



Mac 2023
March 2023
P.U. (A)

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENUBUHAN TAMAN LAUT MALAYSIA
(PINDAAN) 2023

*ESTABLISHMENT OF MARINE PARKS MALAYSIA
(AMENDMENT) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIKANAN 1985

PERINTAH PENUBUHAN TAMAN LAUT MALAYSIA (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 41(1) Akta Perikanan 1985 [Akta 317], Menteri membuat perintah yang berikut—

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia (Pindaan) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 9 Mac 2023.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 [P.U. (A) 401/1994], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

(a) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “dan Jadual Ketiga” dengan perkataan “, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (4) subperenggan yang berikut:

“(5) Had mana-mana kawasan atau sebahagian dari sesuatu kawasan yang ditubuhkan sebagai taman laut hendaklah pada jarak satu batu nautika arah laut daripada titik terluar pulau-pulau yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Keempat yang diukur pada tikas air pasang biasa.

Jadual baharu Keempat

3. Perintah ini dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketiga Jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT

	<i>(1)</i> <i>Nama Pulau</i>	<i>(2)</i> <i>Negeri</i>
1	Pulau Undan	Melaka
2	Pulau Nangka	Melaka
3	Pulau Dodol	Melaka”.

Dibuat
[KP/LA/483/13 Jld.4; PN(PU2)160/XIV]

DATUK SERI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

FISHERIES ACT 1985

ESTABLISHMENT OF MARINE PARKS MALAYSIA (AMENDMENT) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by subsection 41(1) of the Fisheries Act 1985 [Act 317], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Establishment of Marine Parks Malaysia (Amendment) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 9 March 2023.

Amendment of paragraph 2

2. The Establishment of Marine Parks Malaysia Order 1994 [P.U. (A) 401/1994], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 2—

(a) in subparagraph (1), by substituting for the words “and Third Schedule” the words “, Third Schedule and Fourth Schedule”; and

(b) by inserting after subparagraph (4) the following subparagraph:

“(5) The limit of any area or part of an area established as a marine park shall be at a distance of one nautical mile seaward from the outermost points of the islands specified in column (1) of the Fourth Schedule as measured at normal tides.”

New Fourth Schedule

3. The principal Order is amended by inserting after the Third Schedule the following Schedule:

“FOURTH SCHEDULE

	<i>(1)</i> <i>Name of Islands</i>	<i>(2)</i> <i>State</i>
1	Pulau Undan	Malacca
2	Pulau Nangka	Malacca
3	Pulau Dodol	Malacca”.

Made 2023
[KP/LA/483/13]ld.4; PN(PU2)160/XIV]

DATUK SERI MOHAMAD BIN SABU
Minister of Agriculture and Food Security